

23 OCT 1998

BELANJAWAN-CUKAI PERKAPALAN/I

PENGECEUALIAN CUKAI KE ATAS PENDAPATAN SEWAAN MENGGUNAKAN KAPAL MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Melalui Belanjawan 1999nya, kerajaan telah mencadangkan supaya pendapatan sewaan yang diperolehi oleh syarikat pemastautin daripada "carter masa" dan "carter perjalanan" kapal Malaysia dikecualikan daripada cukai pendapatan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1999.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Pertama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang membentangkan cadangan-cadangan Belanjawan di Parlimen hari ini berkata, cadangan itu adalah bertujuan untuk memajukan lagi industri perkapalan tempatan.

"Perkembangan sektor perkhidmatan, terutama industri-industri perkapalan dan insurans tidak memuaskan walaupun telah menampakkan kemajuan," kata beliau.

Kata Dr Mahathir, keadaan ini telah mengakibatkan defisit besar dalam akaun perkhidmatan imbalan pembayaran, iaitu RM19.4 bilion, bagi lapan bulan pertama tahun ini.

Menurut beliau, bagi memperbaiki keadaan ini, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah termasuk langkah-langkah untuk memajukan lagi sektor perkhidmatan negara ini.

"Kita akan terus melaksanakan usaha untuk menggalakkan penggunaan pelabuhan-pelabuhan tempatan," tambah beliau.

Walaupun akhir-akhir ini, penggunaan kemudahan pelabuhan tempatan telah meningkat, namun, kata Dr. Mahathir, masih ada lebihan keupayaan.

Beliau menambah kata bahawa negara juga telah membelanjakan hampir RM7.5 bilion dalam tempoh 15 tahun bermula dari tahun 1986 bagi meningkatkan keupayaan pelabuhan negara. -- BERNAMA

RIZ KY OS